

e-MAJALAH

Kejayaan Dalam Agama

# DARUL ULUM

## MALAYSIA

NO. KELUARAN : 02/01/12/2020 | JAMADIL AWWAL 1442 | DISEMBER 2020

### Karya Kreatif

Pulau Cinta

### Bolehkah Penyakit Berjangkit?

Penjelasan ulama berdasarkan  
hadis-hadis yang bertentangan

### Soal Jawab Agama

Wujudkah solat *sunat Subuh*  
selepas fardu Subuh?

### Amalan Khatam Bukhari

untuk Menarik Rahmat Allah ﷺ  
dan Menangkis Bencana

### Rencana Khas

Masjid bukanlah  
*Istana Hinggap*



PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM (PPM-021-14-19082020)

Alamat : No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>

Emel : dumalaysia@gmail.com



# PENDIRIAN

Dengan nama Allah ﷺ, segala puji bagi Allah ﷺ, Tuhan sekalian alam. Hanya kepadaNya kami mohon pertolongan dalam perkara dunia dan agama. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, penutup kenabian, Nabi Muhammad ﷺ dan keluarga dan para sahabat baginda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Maha Tinggi Maha Agung.

Suka untuk kami nyatakan bahawa kami dan juga para akabir mengikut mazhab imam dari salasilah kenabian, mujtahid agung sepanjang zaman, zahid dan wali Allah, Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i ﷺ, dalam perkara berkaitan fiqh. Kami mengikut mazhab para imam yang benar, Abu al-Hasan al-Ash'ari ﷺ dan Abu Mansur al-Maturidi ﷺ, dalam perkara aqidah. Salasilah kami dalam tasawuf berkesinambungan dengan kaedah suci tarekat Chistiyyah, kaedah terbilang tarekat Naqshabandiyah, kaedah murni tarekat Qadiriyyah dan kaedah yang diredai tarekat Suhrawardiyyah.

Kami tidak berbicara dalam perkara yang berkaitan dengan agama melainkan kami mempunyai bukti dari Al-Qur'an, Sunnah, ijmak para ulama atau pandangan daripada salah seorang imam mujtahid. Di samping kenyataan ini, tidak kami mengisyiharkan bahawa kami maksum dari melakukan sebarang kesalahan, sama ada kesilapan daripada coretan pena atau tutur kata. Oleh itu, jika nyata kami melakukan kesalahan dalam kenyataan kami, tidak kira sama ada ia mengenai usul atau furu, malu tidak menghalang kami daripada menarik balik pendapat kami dan mengisyiharkan kesilapan tersebut.

Oleh itu, jika para ulama berpendapat bahawa kami telah melakukan kesilapan dalam sesuatu perkara, jika kesilapan itu mengenai perkara 'aqidah, adalah perlu bagi mereka menyatakan pandangan mereka dan bukti daripada ulama 'aqidah. Jika kesilapan tersebut adalah berkenaan masalah fiqh, maka adalah perlu untuk mengemukakan hujjah daripada pandangan fuqaha. Jika sedemikian, dengan kehendak Allah, maka kami akan menerima dengan hati yang terbuka, lapang dada dan kesyukuran dari ruh dan jiwa kami.

## PRAKATA e-MAJALAH 02

Masjid adalah rumah Allah ﷺ. Melalui masjid, Allah ﷺ melimpahkan rahmatnya kepada umat manusia. Amalan menghidupkan masjid adalah selaras dengan amalan menghidupkan agama. Kerana baik atau buruknya keadaan di sesuatu tempat itu bergantung kepada sejauh mana amalan masjid di tempat tersebut dihidupkan. Sejauh mana keyakinan kita terhadap Allah ﷺ maka sejauh itulah kita akan berusaha menghidupkan masjid. Kurang atau rosaknya iman seseorang itu akan menyebabkan dia tidak mengendahkan amalan menghidupkan masjid. Kerana masjidlah tempat tuju mereka-mereka yang telah berjaya iaitu Nabi ﷺ dan para sahabat ﷺ. Kerana mereka meyakini bahawa, dengan perantaraan amal agama lah datangnya bantuan Allah ﷺ. Mereka membuka seluas-luasnya mata untuk melihat pentadbiran Allah ﷺ dan menutup serapat-rapatnya mata daripada melihat pentadbiran makhluk. Kerana itulah Allah ﷺ mengiktiraf iman mereka. Persoalannya, mahukah kita mengikut jejak langkah mereka?

# SIDANG REDAKSI

## Pengurus

Ustaz Lukman Bin Mohd Hasbi

## Ketua Pengarang

Ustaz Huzaifah Bin Jamaluddin

## Penulis Kehormat

Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam  
Ustaz Abdul Fatah Bin Abdullah@Abas  
Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar  
Ustaz Abdul Rahman Bin Harman Shah Raniri  
Ustaz Wan Aswadi  
Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim  
Fuad Akmal Bin Mohamad Zahir  
Mohd Khairi Bin Tajudin

## PENERBIT

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM  
(PPM-021-14-19082020)  
No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling,  
57000 Kuala Lumpur.  
Laman web : <http://darululum.my>  
Emel : dumalaysia@gmail.com  
Tel : +6010 320 1200

## SLOGAN

### Kejayaan Dalam Agama

Agama ialah menunaikan seluruh perintah Allah ﷺ, meninggalkan seluruh larangan Allah ﷺ, dengan mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Nabi ﷺ.

## PENAFIAN

Pihak Darul Ulum Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap artikel yang ditulis di dalam e-Majalah ini. Ia adalah hak milik penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian Darul Ulum Malaysia.

## HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa cara jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada pihak kami.

# ISI KANDUNGAN

**Ulama  
NUSANTARA**

**Wanita:  
KISAH SAHABIAH**

**Uulum  
HADIS**

**Karya  
KREATIF**

**Rencana  
KHAS**

**Darul Uulum  
DI MALAYSIA**

**Aimmah  
MUJTAHIDIN**

**Artikel  
BAHASA ARAB**

**Pengajian  
TAFSIR AL-QURAN**

**Soal Jawab  
AGAMA**

- |           |  |
|-----------|--|
| <b>01</b> | Syekh Ibrahim bin Daud<br>al-Fathani al-Makki ﷺ                                      |
| <b>03</b> | Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ<br>menyembunyikan kematian anaknya<br>demi kerehatan suami |
| <b>05</b> | Penyakit Berjangkit : Bagaimana<br>Ulama Menghimpunkan Hadis Yang<br>Bertentangan    |
| <b>07</b> | Cerpen : Pulau Cinta   |
| <b>12</b> | Masjid bukanlah Istana Hinggap   |
| <b>15</b> | Madrasah Banat<br>Hadiqatun Nisa'  |
| <b>17</b> | Amalan Khatam Bukhari<br>untuk Menarik Rahmat Allah ﷺ<br>dan Menangkis Bencana       |
| <b>19</b> | Kata-Kata Hikmah   |
| <b>21</b> | Pengenalan Pengajian Tafsir Al-Quran<br>di Malaysia                                  |
| <b>23</b> | Cara niat solat Sunat Subuh jika dibuat<br>selepas Fardu Subuh                       |

# KELEBIHAN MASJID

Yang memakmurkan masjid ialah orang beriman. (at-Taubah: 18)

Sifat orang yang diberi hidayah ialah pergi ke masjid. (an-Nuur: 36-37)

Tempat paling dikasihi Allah ﷺ ialah masjid, tempat paling dibenci Allah ﷺ ialah pasar. (Muslim)

Masjid rumah Allah ﷺ dan berbahaya seperti bintang di langit. (Tabarani: Majma' uz-Zawa'id)

Pergi ke masjid pagi dan petang Allah ﷺ sediakan hidangan dalam syurga setiap kali pergi. (Bukhari)

Pergi ke masjid pagi dan petang termasuk jihad di jalan Allah ﷺ (Tabarani: Majma' uz-Zawa'id)

Sesiapa mencintai masjid, Allah ﷺ akan mencintainya. (Tabarani: Majma' uz-Zawa'id)

Syaitan seumpama serigala yang makan kambing yang terpinggir jauh. Ambil berat untuk bersama jemaah dan berada di masjid. (Musnad Ahmad)

Masjid rumah orang bertaqwa. (Tabarani, Bazzar: Majma' uz-Zawa'id)

Apabila melihat lelaki yang selalu ke masjid maka bersaksilah dia seorang yang beriman. (Tirmizi)

Hubungan rapat dan selalu datang ke masjid, Allah ﷺ gembira seperti kepulangan ahli keluarga yang lama berpergian. (Ibnu Majah)

Orang yang selalu di masjid adalah tonggak masjid. Malaikat menjadi teman mereka. (Musnad Ahmad)

Sumber : Muntakhab Ahadis



# SYEIKH IBRAHIM BIN DAUD AL-FATHANI AL-MAKKI



Oleh : Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim  
Madrasah Miftahul Ulum Seri Petaling

Syeikh Ibrāhim al-Fathāni ﷺ ialah salah seorang ulama nusantara yang lahir dan wafat di Mekah. Beliau seorang yang sangat mahir dalam fiqh dan lughah. Beliau pernah menjadi qadi semasa di Mekah.

## NAMA DAN KELAHIRAN

Nama beliau ialah Ibrāhim bin Dāūd bin Abdul Qadir, al-Fathāni, al-Makki ﷺ. Beliau dilahirkan di Mekah Mukarramah pada tahun 1320H.

## SYEIKH FUTUH

Semasa kecil beliau diasuh oleh bapa saudara beliau iaitu Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathāni ﷺ. Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathāni ﷺ merupakan guru yang sangat banyak berjasa kepada Syeikh Ibrāhim al-Fathāni ﷺ dan beliau yang membentuk syakhsiah beliau.

Syeikh Ibrāhim al-Fathāni ﷺ berdamping dengan bapa saudaranya sejak kecil sehingga dewasa bahkan sehingga Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fatāni ﷺ meninggal dunia.

Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathāni ﷺ merupakan salah seorang ulama nusantara yang mengajar di Masjid Haram. Beliau mempunyai halqah yang khusus yang terletak di Bab Salām. Selepas kewafatan beliau, tempat beliau diganti oleh Syeikh Ibrāhim al-Fathāni ﷺ.

Antara kitab yang dipelajari dengan bapa saudaranya, Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathāni ﷺ

- Jurrūmiyyah bersama Syarah Mukhtasar Jiddan dan Syarah Kufrāwi
- al-Kawākib ad-Durriyyah
- Qatru an-Nadā
- Syuzūru az-Zahab
- Syarah Ibni 'Aqīl
- Syarah Asymūni
- Syarah Ibnu Qāsim 'ala Abi Syujā'
- Minhāj ut-Tālibīn
- Tuhfatu al-Muhtāj
- al-Bahjah al-Mardhiyyah
- Nihāyatū al-Muhtāj
- Risālah Imam Dirdīr fi al-Bayān
- al-Jawāhir al-Maknūn
- al-Waraqāt bersama Syarah Mahalli
- Lubbu al-Usūl
- Jam'u al-Jawāmi'
- al-Asybah wa an-Nazā'ir
- Tafsir Jalālain

Selain itu, terdapat seorang lagi guru yang sangat memberi kesan kepada Syeikh Ibrāhim ﷺ iaitu Allāmah Syeikh Ali bin Husain al-Mālikī ﷺ.

Syeikh Ali bin Husain al-Mālikī ﷺ seorang yang sangat mahir dalam ilmu nahwu sehingga beliau diberi gelaran ‘Sibawaihi ’Asrihi’ iaitu Imam Sibawaihi pada zamannya.

Antara kitab yang dipelajari ialah *Mughni al-Labib*, *Ham'u al-Hawāmi'* dan *Syurūh at-Talkhīs*. Syeikh Ibrāhim juga membaca enam buah kitab hadis (*usūl sittah*) dengan Syeikh Ali al-Mālikī ﷺ.

Kedua-dua ulama ini iaitu Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathānī ﷺ dan Allāmah Syeikh Ali bin Husain al-Mālikī ﷺ adalah syeikh futūh bagi Syeikh Ibrāhim al-Fathānī ﷺ.

Ketika Syeikh Ibrāhim al-Fathānī ﷺ meningkat dewasa beliau menjadi ulama yang dihormati dan disanjung.

Pernah orang ramai meminta kepada Syeikh Ibrāhim al-Fathānī ﷺ untuk mengajar salah satu kitab tafsir yang susah iaitu *Tafsir Baidhāwi* bersama dengan Hāsyiah Syihāb. Beliau telah menolak permintaan tersebut dengan baik.

Namun salah seorang guru beliau iaitu Sayyid Muhammad Ali al-Mālikī ﷺ telah menyuruh beliau mengajar kitab tersebut dan menunaikan permintaan orang ramai. Beliau pun akur dengan perintah gurunya itu.

## GURU-GURU YANG LAIN

1. Syeikh Yahya Amān al-Hanafī ﷺ.
2. Syeikh Hasan Yamānī ﷺ.
3. Syeikh Umar Hamdān ﷺ.

Syeikh Ibrāhim al-Fathānī ﷺ mempunyai ijazah sanad daripada salah seorang ulama Mauritānia yang terkenal iaitu Allāmah Habibullah asy-Syinqīti ﷺ. Allāmah Habibullah Syinqīti ﷺ menetap di Mesir

manakala Syeikh Ibrāhim ﷺ pula tinggal di Mekah. Allāmah Habibullah asy-Syinqīti ﷺ telah menulis ijazah sanad untuk Syeikh Ibrāhim ﷺ di dalam kitab *Sabat al-Amīr* dan menghantarnya kepada Syeikh Ibrāhim al-Fathānī ﷺ.

Ketika Sayyid Abdul Hayy Kattānī ﷺ menziarahi Mekah, Syeikh Ibrāhim al-Fathānī ﷺ menziarahi beliau dan mengambil faedah ilmiah daripada beliau, namun beliau tidak meminta ijazah daripada Sayyid Abdul Hayy Kattānī ﷺ.

## KHIDMAT DAN PENULISAN

Syeikh Ibrāhim bin Daūd ﷺ dilantik menjadi salah seorang tenaga pengajar di Madrasah Darul Ulum Dīniyyah, Mekah. Beliau mengajar di sana untuk satu tempoh yang lama.

Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai qadi bagi satu tempoh waktu kemudian beliau meninggalkan jawatan tersebut.

Beliau seorang yang sangat mahir dengan ilmu bahasa Arab. Beliau mempunyai himpunan syair-syair dalam bahasa Arab yang dihimpunkan dan dicetak dengan nama *al-Futūhat ar-Ramadāniyyah*.

Beliau juga membuat syair yang menghimpunkan istilah-istilah Imam Nawawi ﷺ di dalam *Minhāj ut-Tālibīn* dan *al-Majmū'*. Beliau juga ada menulis syarah bagi kitab *Riyādu as-Sālihīn* namun iannya tidak sempurna.

## KEWAFATAN

Syeikh Ibrāhim bin Daud al-Fathānī ﷺ wafat pada tahun 11 Syā'bān 1413H di Mekah.

Rujukan: *Tasynif ul-Asma'*, Muhaddis Mahmud Said Mamduh, cetakan kedua, 1434, Beirut.

# Sayyidatina Ummu Sulaim



MENYEMBUNYIKAN KEMATIAN ANAKNYA  
DEMI KEREHATAN SUAMI

Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ ialah ibu kepada Sayyidina Anas . Beliau telah menjadi janda setelah suaminya yang pertama (ayah Sayyidina Anas ) meninggal dunia. Beliau tidak bernikah buat beberapa lama dengan tujuan untuk menjaga anaknya.

Kemudian beliau bernikah dengan Sayyidina Abu Talhah dan mendapat seorang anak yang bernama Abu 'Umair . Apabila Rasulullah pergi ke rumahnya, Baginda akan bermain-main dengan Abu 'Umair .

Pada suatu hari secara tiba-tiba Abu 'Umair telah meninggal dunia. Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ memandi dan mengkafankannya lalu meletakkannya di atas sebuah katil. Pada hari itu, Sayyidina Abu Talhah sedang berpuasa. Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ menyediakan makanan untuk berbuka puasa dan beliau pun turut menghiaskan diri serta memakai wangi-wangian.

Pada waktu malam suaminya pun pulang dan setelah selesai makan beliau pun bertanya keadaan anaknya. Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ berkata, "Sekarang nampaknya dia begitu tenang, dia sudah sembuh sepenuhnya."

Oleh sebab itu, Sayyidina Abu Talhah berpuas hati. Pada malam itu mereka pun bersatu. Apabila beliau bangun pada waktu pagi Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ pun berkata, "Saya ingin menanyakan suatu perkara, sekiranya seseorang itu diberi pinjam sesuatu barang, apabila diminta apakah dia harus memulangkan barang itu ataupun dia menyimpan dan tidak memulangkan barang itu?"

Sayyidina Abu Talhah berkata, "Sudah pasti barang itu patut dipulangkan. Apakah haknya untuk menyimpan barang itu? Barang yang dipinjam semestinya dipulangkan."

Setelah mendengar kata-kata itu Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ berkata, "Anak abang, Abu 'Umair yang merupakan amanah daripada Allah telah diambil-Nya kembali."

Sayyidina Abu Talhah amat berduka cita dan berkata, "Kamu tidak memberitahu kepada saya sebelum ini?"

Pada pagi itu, Sayyidina Abu Talhah ﷺ telah pergi bertemu Nabi ﷺ dan menceritakan keseluruhan kisah itu kepada Baginda ﷺ. Baginda ﷺ pun turut berdoa untuknya seraya bersabda, “Kemungkinan Allah ﷺ ingin memberikan keberkatan kepada kamu pada malam itu.”

Seorang sahabat Ansar berkata, “Saya telah melihat keberkatan doa Rasulullah ﷺ. Hasil hubungan pada pada malam itu lahirlah Abdullah bin Abu Talhah . Abdullah mendapat sembilan orang anak yang kesemuanya merupakan qari al-Quran.”

Kisah ini menunjukkan sifat kesabaran dan ketabahan Sayyidatina Ummu Sulaim ﷺ menghadapi kematian anaknya dan bagaimana beliau mengawal perasaannya supaya tidak dirasai oleh suaminya setelah berlaku sesuatu. Sebabnya ialah, sekira suaminya mengetahui perkara itu beliau tidak akan berselera makan sedangkan suaminya berpuasa.

Sumber : Kisah Para Sahabat, Fadail Amal.

*Apabila berlaku sesuatu musibah, para sahabat ﷺ tidak bertindak dengan emosi atau fikiran sendiri. Sebaliknya mereka melihat apakah yang Allah ﷺ paling suka mereka lakukan pada ketika itu. Mereka melihat perintah Allah ﷺ dan berpaling daripada kehendak dan kepentingan keduniaan mereka. Kerana mereka yakin bahawa di dalam perintah Allah ﷺ ada kejayaan.*

#### [JOIN TELEGRAM GROUP](#)

Darul Ulum Malaysia diasaskan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan aktiviti madrasah, menjalin ukhuwwah, tafakkur dan mahabbah sesama ulama, warga madrasah, masyarakat awam, ibu bapa, pelajar dan para pencinta ilmu.

## Subscribe Percuma

- ✓ Sumber Ilmu dan Maklumat
- ✓ Menjalin Hubungan antara Masyarakat dan Ulama
- ✗ Iklan tiada kaitan dengan Madrasah
- ✗ Bergaduh/Scammer/Politik



FREE TO JOIN

#### [JOIN TELEGRAM GROUP BISNES MUSLIM](#)

Darul Ulum Malaysia

## Mari Join Percuma!

- ✓ Himpunan Bisnes Muslim
- ✓ Promosi Produk dan Perkhidmatan anda
- ✓ Kongsi Maklumat Bisnes Anda
- ✓ Kongsi Tips Bisnes Sesama Umat
- ✓ Belajar Bisnes Cara Islam
- ✗ NO Scam, No Fraud, No HYIP



FREE TO JOIN

# PENYAKIT BERJANGKIT :

## Bagaimana Ulama Menghimpunkan Hadis Yang Bertentangan

Oleh : Maulana Wan Aswadi

Mujaddidi Learning Centre, Madrasah Tahfiz Raudhatul Huffaz.

Sebagai umat Islam yang beraqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah, kita mempercayai bahawa yang mendatangkan *ta'sir* (kesan) hanya Allah ﷺ. Di dalam kitab Kifayatul Awam, ada disebutkan:

من اعتقد انَّ النَّارَ يُحْرِقُ فَقَدْ كَفَرَ

Terjemahan: Barangsiapa yang telah beriktikad bahawa sesungguhnya apilah yang membakar maka sesungguhnya dia telah kufur kepada Allah ﷺ.

Apabila kita menyebut iktikad, ianya adalah satu amalan *qalbi* (hati). Yakni apabila kita menyimpul utuh ke dalam hati bahawa sememangnya api lah yang membakar, barulah jatuhsyirik. Kerana hakikatnya Allah ﷺ lah yang melakukan segalanya. Baik menghidup atau memati, membakar atau memadam, memberi mudharat atau menyampaikan manfaat.

Adapun setakat ucapan dengan lidah bahawa "api membakar" atau "penyakit berjangkit", ianya tidak mengapa kerana hukum adatnya begitu.

Namun demikian persoalan timbul apabila terdapat beberapa hadis yang mempunyai zahir hadis yang bertentangan seperti berikut:

**A**

لَا عَدُوٌّ وَلَا طَيْرٌ

Terjemahan hadis: "Tiada jangkitan dan tiada pensialan."

لَا يَعْدِي شَيْءٌ شَيْئًا

Terjemahan hadis: "Tidak menjangkiti sesuatu akan sesuatu yang lain."

Daripada zahir hadis ini boleh difahami bahawa **tiada penyakit yang boleh berjangkit**.

**B**

فِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ فَرَارُكَ مِنَ الْأَسَدِ

Terjemahan hadis: "Larilah engkau dari orang yang terkena penyakit kusta seperti mana kamu lari daripada serangan singa."

Daripada zahir hadis ini boleh difahami bahawa **sesuatu penyakit itu boleh berjangkit**. Kerana itulah Rasulullah ﷺ menyuruh kita lari dari orang yang berpanyakit kusta seperti lari daripada singa supaya kita tidak berjangkit dengan mereka.

Secara zahirnya hadis-hadis di atas berlaku *ta'arudh* (kontradiksi). Di dalam ilmu hadis, apabila bertembungnya dua hadis yang makbul dan pertembungan itu boleh ditabq (dihimpunkan), maka dalam istilah hadis ianya digelar "Mukhtaliful Hadis". Kembali kepada hadis-hadis di atas, **bagaimana ulama menghimpukan keduanya?**

1

Hafiz Ibnu Solah menghimpunkan keduanya dengan menjelaskan hadis yang pertama yang mengatakan tiada sebarang perjangkitan membawa makna bahawa penafian itu adalah secara *bil zat* yakni tiada penyakit yang Allah ciptakan di dunia ini sampai kiamat boleh berjangkit dengan sendirinya tanpa izin Allah.

Manakala hadis kedua yang mengisbatkan (mengiyakan), memberi makna bahawa perjangkitan sesuatu penyakit adalah secara *bil sabab* yakni *ikhtilat* (pergaulan) dengan orang yang berpenyakit kusta akan menjadi sebab kepada berjangkitnya penyakit itu kepada orang yang sihat. Maka tiada lagi kontradiksi di antara kedua-dua hadis tersebut.

3

Qadhi Abu Bakar telah memberi *taujih* bahawa hadis yang pertama kita biarkannya secara umum yakni penafian berjangkit secara umum. Manakala hadis yang kedua iaitu penyakit kusta dikecualikan, yakni penyakit kusta memang akan berjangkit.

4

Setengah ulama lain memberi *taujih* bahawa hadis pertama adalah penafian secara umum, akan tetapi hadis yang kedua iaitu perintah lari dari pesakit kusta adalah untuk menjaga hati orang yang sakit kusta iaitu boleh jadi apabila dia melihat orang yang sihat maka penderitaannya akan semakin bertambah.

5

Setengah ulama lain memberi *taujih* bahawa penafian dalam hadis pertama adalah untuk iktikad yakni iktikad kita mestilah teguh bahawa tiada sebarang *ta'sir* (kesan) dari *ghairullah* (selain Allah) manakala hadis yang kedua iaitu perintah lari dari pesakit kusta adalah untuk tindakan, seperti Baginda membuat larangan tersebut adalah demi menjaga aqidah.

6

Mulla Ali Qari memberi *taujih* bahawa perintah lari dari kusta adalah perintah untuk *dhuafa'* (yang lemah aqidah) nya manakala hadis pertama adalah untuk mereka yang mempunyai sifat tawakal yang *kamil* (sempurna) seperti Nabi sendiri pernah duduk makan sekali dengan orang yang berpenyakit kusta.

2

Hafiz Ibn Hajar pula di dalam *Nukhbatus Fikr* menghimpunkan kedua-dua hadis ini dengan meletakkan hadis pertama secara umum. Yakni penafian itu adalah secara umum sama ada *bil zat* ataupun *bil sabab*, penyakit tidak akan berjangkit. Tiada penyakit yang boleh berjangkit samada dengan sendiri atau melalui sebab.

Beliau mendatangkan dua hadis untuk menyokong pendapatnya. Hadis pertama, "Tidak menjangkiti sesuatu akan sesuatu yang lain." Dan hadis kedua ialah sabda Rasulullah kepada orang yang berkata bahawa unta yang berpenyakit berada dalam kalangan unta yang sihat serta bercampur gaul dengannya, lalu semuanya pun menjadi sakit, maka Rasulullah membela kepadanya: "Maka, siapa pula yang menjangkitkan unta yang pertama?"

Sepertimana Allah dengan qudratNya membuatkan unta pertama berpenyakit begitulah halnya berlaku kepada unta-unta yang lain.


Dalam menjelaskan hadis kedua yang mana Rasulullah memerintahkan lari dari mereka yang berpenyakit kusta adalah semata-mata ingin menyelamatkan aqidah seseorang yang jika sekiranya dia bergaul dengan orang yang berpenyakit kusta dan biqadha ilahi dia juga terkena kusta, menyebabkan aqidahnya menjadi rosak apabila dia meyakini bahawa penyakit yang menimpanya adalah disebabkan pergaulan dengan pesakit kusta tadi. Maka Rasulullah membuat larangan tersebut adalah demi menjaga aqidah.

Kesimpulannya kita perlu memantapkan aqidah iaitu meyakini bahawa penyakit tidak akan berjangkit baik secara sendiri maupun melalui perantaraan sebab dan musabab melainkan dengan izin Allah. Janganlah kita terlalu resah dan takut sehingga mengganggu tugas dan rutin harian kita.

Namun, sebagai ikhtiar dan tindakan, wajib untuk kita mengelakkan diri dari masuk ke tempat wabak, sentiasa berada di dalam keadaan berwudhuduk iaitu selalu berada di dalam keadaan taharah dan membaca setiap pagi dan petang doa-doа yang diajar oleh Rasulullah khasnya doa untuk mengelakkan diri daripada penyakit yang berbahaya.

# Pulau Cinta

Oleh: Khairy Tajudin Novelis



“Semalam, kita pakai jubah dan serban. Orang kampung ni macam takut dengan kita. Bila kita pergi ziarah ke rumah, mereka tidak mahu keluar berjumpa kita. Jadi, apa kata hari ini kita tukar pakaian. Kita pakai seperti orang kampung yang biasa,” cadang Fahmi.

“Saya rasa, kita teruskan pakai jubah. Kita kena syiarkan pakaian sunnah. Baru ada nur,” celah Aziz.

“Sabar... sabar. Kita bincang perkara ini elok-elok.” Zainal mencelah untuk meredakan ketegangan antara Fahmi dan Aziz.

Zainal, Fahmi dan Aziz merupakan tiga orang pelajar dari sebuah institusi pengajian tinggi. Mereka mengambil kursus pengurusan perniagaan. Fahmi telah mengajak rakannya yang lain untuk bercuti di kampungnya sempena cuti semester. Setelah tiba di pulau ini, mereka agak terkilan melihat kegiatan tidak bermoral para remaja di sini. Budak-budak muda kelihatan melanggah minuman keras di tepi-tepi jalan. Lelaki dan perempuan bergaul bebas. Menjelang pagi, mereka lena bergelimpangan di tepi pantai. Mabuk.

“Orang kampung aku ni... mereka sangat kurang belajar agama. Ustaz-ustaz dari tanah besar pula tidak bersedia ke pulau ini untuk mengajar mereka. Dulu, ayah aku ada jemput seorang ustaz untuk mengajar ilmu agama di rumah aku. Ayah aku sanggup bayar dia seribu ringgit setiap bulan. Tapi, disebabkan dia sudah ada keluarga, dan tidak mahu berjauhan dengan isteri dan anak-anaknya, dia terpaksa balik ke tanah besar.” Fahmi meluahkan perasaannya yang sedih dengan keadaan agama di kampungnya. “Sebab itulah aku ajak kau orang datang ke sini... supaya kita dapat melakukan sesuatu.”

“Jadi, apa yang kita perlu buat, sekarang?” soal Zainal.

“Kampung aku ni, surau pun tak ada. Masjid sangat jauh. Kena pergi naik bot. Itu pun kami hanya pergi seminggu sekali untuk solat Jumaat. Aku rasa, mungkin kita boleh buat sedikit kenduri dan jemput orang kampung datang ke rumah aku. Aku dah bincang dengan ayah aku, nak gunakan homestay sebelah rumah kami sebagai surau. Nak hidupkan solat berjemaah di sini.” Fahmi menjelaskan.

“Ini satu cadangan yang baik. Tapi, aku rasa, kita perlukan seorang ustaz yang dapat beri masa untuk mengajar ilmu fardu ain kepada orang kampung. Jadi, apa kata kita jemput Ustaz Iqbal datang *join* kita?” syor Aziz.

“Ustaz Iqbal? Okey jugak tu. Dia memang minat dengan pulau-pulau ni.” Zainal menyokong.

“Jika begitu, esok kita naik bot ke tanah besar. Kita pergi ziarah Ustaz Iqbal dan pujuk dia datang ke sini.” Fahmi membuat keputusan.

“Ustaz, kami ada hajat. Kami harap, ustaz dapat tunaikan hajat kami.” Fahmi membuka bicara. Ustaz Iqbal merupakan seorang pensyarah di institusi yang sama dengan mereka. Hubungan mereka dengan Ustaz Iqbal agak rapat.

“Insya-Allah. Jika tiada apa-apa halangan, saya boleh usahakan. Apa hajat kamu?” balas Ustaz Iqbal.

Fahmi pun menceritakan mengenai latar belakang penduduk di kampungnya. Kemudian, mereka mengajak Ustaz Iqbal bersama-sama mereka ke pulau tersebut untuk suatu tempoh masa yang tidak ditetapkan. Pada mulanya, dia agak keberatan memandangkan Ustaz Iqbal ada mengajar di surau-surau. Jika dia pergi ke sana, maka dia terpaksa batalkan kuliahnya.

“Ustaz, kami nak minta tolong sangat ni. Kalau tak boleh lama-lama, tiga atau empat hari pun jadilah.” Fahmi memujuk.

“Nantilah. Biar saya fikirkan dulu.”

“Bila ustaz boleh bagi keputusan?” Zainal mencelah.

“Mungkin esok.”

“Sebenarnya, kami mahu balik semula ke pulau pada hari ini. Jika ustaz dapat buat keputusan hari ini, boleh kita pergi sekali.” Fahmi terus menerus memujuk Ustaz Iqbal. “Ustaz jangan risau pasal perbelanjaan. Kami tanggung semua kos. Kat sana nanti, kami sediakan homestay untuk ustaz. Nak bawak isteri dan anak-anak sekali pun boleh.”

“Allahu Akbar! Apa lagi alasan saya nak bagi?” jawab Ustaz Iqbal sambil tertawa kecil. “Beginilah. Biar saya bincang dulu dengan keluarga saya. Apa-apa hal, saya maklumkan kemudian. Kamu boleh pergi dahulu ke sana. Doakan saya. Insya-Allah, jika Allah takdirkan rezeki saya ada di sana, saya akan sampai.”

Jawapan Ustaz Iqbal itu kurang memuaskan mereka. Namun, dalam hati, mereka tidak henti-henti berdoa agar Allah membuka hati Ustaz Iqbal untuk memenuhi hajat tersebut.

Majlis yang dirancang berjalan seperti biasa walaupun tanpa kedatangan Ustaz Iqbal. Mereka bertiga memakai kemeja dan seluar biasa untuk berziarah dari satu rumah ke rumah yang lain. Sesiapa sahaja yang mereka jumpai, akan diundang ke rumah Fahmi sebelum waktu Maghrib. Umpannya ialah *western food* yang dimasak oleh ayahnya.

Pada petang itu, hadirlah beberapa orang penduduk kampung. Dalam sepuluh orang, Fahmi mengalu-alukan kedatangan mereka dan menghidangkan kepada mereka minuman panas dan kuih-muih.

“Petang ni, kita makan yang ni dulu la, ye. Nanti lepas solat Maghrib, kita makan *fish and chips*, *french fries* dan lain-lain...”

Dalam kalangan mereka, ada seorang pemuda yang bekerja sebagai beach boy. Dia datang dengan berseluar pendek. Fahmi memberikan kepadanya kain sarung sebagai pakaian untuk solat.

“Bang, saya tak pandai bersolat.”

Tersentak Fahmi mendengar pengakuan tersebut. “Kamu pandai ambil wuduk?”

“Tak jugak. Wuduk tu apa?”

“Tak apa. Kita boleh belajar.”

Dalam kesempatan yang masih ada sebelum masuk waktu Maghrib, pemuda tersebut



dibimbing untuk mengambil wuduk dan bersolat. Ada beberapa orang kampung yang lain turut menyaksikan tiga orang pelajar universiti itu mengajar seorang pemuda kampung berwuduk dan bersolat. Ada yang kehairanan.

Mungkin mereka juga tidak tahu. Mungkin sudah tahu, tetapi tidak pernah mengamalkannya.

Mereka mengajarnya bersolat dan membaca surah al-Fatihah dengan betul. Dia mengakui, seumur hidupnya dia tidak pernah membaca al-Quran dan bersolat. Hanya ibu bapanya sahaja yang memberitahu bahawa mereka adalah orang Islam.





Pemuda itu kemudian memberitahu bahawa dia mempunyai keluarga dan beberapa orang kawan yang beragama Islam. Dia meminta agar tiga rakan itu dapat pergi berjumpa dengan mereka.

Setelah masuk waktu Maghrib, Aziz melaungkan azan. Kemudian, mereka mengerjakan solat berjemaah bersama-sama orang kampung yang hadir.

Tanpa diduga, setelah habis memberi salam, terlihat kelibat Ustaz Iqbal di saf paling belakang. Dia sedang menghabiskan rakaat terakhir kerana masbuk.

Selesai solat, Fahmi, Aziz dan Zainal terus mendapatkan Ustaz Iqbal dan memeluknya. Mereka sangat terharu.

“Saya dah lama sampai. Sejak petang tadi, saya dah tengok apa yang kamu dah buat! Syabas!”

“Ustaz, boleh tak malam ni, ustaz bagi ceramah sikit? Mereka semua ni datang sebab nak dengar ustaz berceramah, tau!” Fahmi berseloroh. Ustaz Iqbal tersenyum sambil mengangguk.

Pada malam itu, selesai solat Isyak, beach boy tadi mengajak Ustaz Iqbal dan mereka bertiga berjumpa rakan-rakannya yang beragama Islam. Sepanjang perjalanan ke sana, Ustaz Iqbal tidak henti-henti beristighfar. Pergaulan bebas lelaki dan perempuan berjaya di tepi-tepi jalan.

“Kat sini takda penguatkuasa agama ke?” Ustaz Iqbal berbisik ke telinga Fahmi.

“Takde, ustaz. Setiap orang perlu kuatkuasakan agama mereka sendiri.”

Ustaz Iqbal menggeleng.

“Bang, saya tak pandai bersolat.”

Tersentak Fahmi mendengar pengakuan tersebut. “Kamu pandai ambil wuduk?”


“Tak jugak. Wuduk tu apa?”

“Tak apa. Kita boleh belajar.”

Akhirnya, beach boy itu menemukan Ustaz Iqbal, Fahmi, Zainal dan Aziz dengan rakan-rakannya. Mereka bersalaman. Dalam kesempatan tersebut, Ustaz Iqbal memberikan beberapa kata-kata nasihat dan mengajak mereka agar selalu datang ke ‘surau’ yang baru dihidupkan. Ustaz Iqbal juga berjanji dengan mereka untuk terus berada di pulau ini selama seminggu. Jika sesiapa yang mahu berjumpa dengannya untuk bertanya bab agama, maka mereka dipersilakan ke ‘surau’.

Setelah selesai berjumpa dengan para pemuda tersebut, mereka bergerak pula ke rumah beach boy itu untuk berjumpa dengan ibu dan ayahnya. Tetamu itu disantuni dengan baik oleh tuan rumah. Mereka dijemput masuk dan hidangan ringan disediakan. Akhir sekali, tuan rumah dan seluruh isi rumahnya dijemput ke ‘surau’ pada hari-hari berikutnya. Ini kerana, sepanjang Ustaz Iqbal berada di pulau ini, dia berjanji untuk mengajar ilmu agama pada setiap malam. Tuan rumah menzahirkan rasa gembiranya kerana, memang sudah lama dia mahu belajar ilmu agama. Selama ini, tiada ustaz yang sudi datang mengajar mereka. Jika ada pun, ia tidak kekal lama.

Begitulah, hari demi hari berlalu. Sudah lima hari Ustaz Iqbal meluangkan masanya di pulau ini. Dia tinggal di sebuah homestay milik keluarga Fahmi. Isterinya turut membantu membimbing para wanita penduduk kampung yang bertandang setiap hari untuk belajar membaca al-Quran dan bersolat.



“Saya terharu sangat-sangat. Saya tak menyangka, beginilah keadaan agama di pulau ini,” luah Ustaz Iqbal kepada ketiga-tiga orang pelajarnya itu. “Sampai ada yang tidak tahu langsung rukun iman, rukun Islam... bahkan ada yang tidak pandai mengucap syahadah.”

“Orang macam ustazlah yang diperlukan di sini,” balas Fahmi.

Ustaz Iqbal terdiam seketika sebelum menyambung bicara. “Jika begini keadaannya, tak cukup seminggu! Kena duduk sini sebulan!”

Fahmi, Zainal dan Aziz ketawa kecil mendengar Ustaz Iqbal berseloroh.

“Tapi, tu la... cuti dah nak habis. Minggu depan dah mula kuliah. Kita semua kena balik kampus,” celah Aziz.

“Insya-Allah, kita akan datang lagi. Dakwah kita bukan sampai di sini saja. Perlu ada susulan. Anak kambing yang baru lahir, perlu mendapat susu yang cukup daripada ibunya!” Bersemangat Ustaz Iqbal meluahkan kata-kata. “Insya-Allah. Kita akan datang lagi ke pulau ini!”

### Tasbih Kayu Mulong Chisty

Pohon kayu yang sangat keras buahnya serta penuh dengan keajaiban bagi yang mengetahui dan menelusuri hakikatnya. Terdapat di utara semenanjung dan semakin pupus dan sukar didapati sekarang. Pohon kayu yang penuh khasiat buah dan kayunya. Dikisahkan hanya berbuah 30 tahun sekali. Wallahua'lam.

- Warna original berkilat.
- Warna tidak luntur bahkan akan menjadi gelap berkilat setelah digunakan selalu.
- Tali double, tidak longgar.
- Anak 99 biji 13-11mm diameter.
- Mempunyai 2 penanda (ketat dan tidak lari).

**KLIK  
DI SINI**



# *Masjid bukanlah Istana Hinggap*

Masjid adalah rumah-rumah Allah ﷺ di muka bumi. Berdasarkan kajian sejarawan Islam (Ka'ab al-Ahbar, Ibn Yaqut, Ibn Abbas dan Mujahid), semasa awal penciptaan bumi, tanah yang mula-mula diwujudkan oleh Allah ﷺ di atas permukaan air ialah Masjid. Iaitu tanah tapak Kaabah dan sekelilingnya iaitu Masjidil Haram.

Kaabah juga dikatakan sebagai pusat bumi. Ini adalah kerana Kaabah yang dibina di bumi ini didirikan mengikut contoh Kaabah lain yang terletak di langit yang ketujuh bernama Baitul Makmur. Ia adalah tempat para malaikat bertawaf. Kedudukan Kaabah dan Baitul Makmur pula adalah setentang antara satu sama lain. (Tafsir Al-Azhar).

Dalam perjalanan hijrah ketika Rasulullah ﷺ singgah di Quba' maka baginda mendirikan Masjid Quba' di situ. Setelah tiba di Madinah pula, perkara pertama yang baginda lakukan ialah mencari tanah yang sesuai untuk didirikan Masjid Nabawi.

Masjid diibaratkan sebagai jantung kepada sesebuah kampung. Jika baik jantungnya maka baiklah tubuh badannya. Jika makmur masjidnya maka makmurlah kampung itu.

Rasulullah ﷺ dan para sahabat faham akan kedudukan Masjid. Masjid adalah tempat tuju mereka pada bila-bila masa. Hati mereka terpaut kepada Masjid. Mereka memakmurkan Masjid sesuai dengan perintah Allah ﷺ supaya Masjid itu dimakmurkan.

Demikianlah juga apabila datangnya apa-apa musibah maka Masjid lah tempat tuju mereka. Baik ribut taufan atau kejadian gerhana, mereka akan segera ke Masjid.

Saiyyidina Anas ᷲ berkata, "Aku berlindung dengan Allah ﷺ. Pada zaman Rasulullah ﷺ, apabila angin bertiup lebih kencang daripada biasa maka kami terus berlari ke Masjid kerana takut berlaku kiamat." Sayyidina Abu Darda ᷲ menerangkan, "Menjadi kebiasaan Rasulullah ﷺ apabila berlaku ribut, baginda akan masuk ke Masjid dengan perasaan bimbang." (Kisah Para Sahabat, Fadail Amal).

Umum mengetahui bahawa Istana adalah tempat diamnya raja-raja dan orang kenamaan. Kebiasaannya ia adalah milik individu atau keluarga diraja atau sesebuah kerajaan.

Orang ramai tidak bebas keluar masuk ke dalam Istana. Bahkan jika ada keinginan yang kuat untuk masuk ke Istana sekalipun memerlukan beberapa langkah permohonan sehingga dibenarkan masuk ke dalam Istana.

Istana Hinggap pula dinisbahkan kepada Istana singgahan ahli diraja atau orang kenamaan apabila mereka berada di tempat tersebut atau apabila ada urusan tertentu. Ia bukanlah tempat kediaman tetap dan hanya dikunjungi pada waktu tertentu sahaja.

Demikianlah perumpamaan yang cuba dibawa terhadap Masjid. Tidak pantas untuk meletakkan Masjid hal keadaannya seperti Istana Hinggap. Masjid bukanlah tempat yang hanya dikunjungi sekali sekala oleh orang tertentu sahaja.

Masjid bukanlah milik mana-mana individu kenamaan. Masjid ialah rumah Allah ﷺ. Allah ﷺ mensyariatkan seruan azan untuk solat fardu 5 kali setiap hari untuk memanggil umat Islam supaya datang ke Masjid.

Bahkan Allah ﷺ menyediakan terlalu banyak ganjaran pahala untuk mereka-mereka yang menjadikan Masjid sebagai rumah mereka. Iaitu mereka yang hatinya terpaut kepada Masjid, selalu berulang alik ke Masjid dan menggunakan masanya untuk memakmurkan Masjid.

Allah ﷺ amat mencintai orang-orang yang memakmurkan Masjid dan memberi amaran kepada orang-orang yang menghalang Masjid dimakmurkan. Firman Allah ﷺ

"Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (solat dan) menyebut nama Allah di dalamnya dan dia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar." (Al-Baqarah: 114).

Beruntunglah mereka yang menggunakan kebanyakan masa mereka untuk memakmurkan Masjid. Merekalah utusan-utusan Allah ﷺ yang membuat usaha bersungguh-sungguh untuk membawa manusia memenuhi rumah Allah ﷺ.

Merekalah azan-azan yang bergerak. Membisik lembut ke dalam hati-hati orang yang beriman mengingatkan mereka bahawa "حَىٰ عَلِ الْفَلَاحٍ" iaitu dengan datang kepada perintah Allah maka pastinya Allah akan memberikan kejayaan kepada mereka.

Kejayaan itu bererti kebahagian hidup, kesatuan hati, terlepas daripada kesempitan, solusi kepada masalah, terhapusnya musibah dan pelbagai lagi kebaikan yang disediakan oleh Allah ﷺ kepada orang yang beriman.

Rasulullah ﷺ bersabda, "Masjid ialah rumah bagi setiap orang yang bertaqwa. Allah ﷺ telah menjamin untuk memberi ketenangan, rahmat dan melintas titian sirat untuk mendapat keredaan-Nya dan terus ke syurga kepada orang yang telah menjadikan masjid sebagai rumahnya." (Tabarani, Bazzar: Majma'uz-Zawa'id).

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya orang-orang yang selalu berkumpul di dalam masjid-masjid, mereka adalah tonggak masjid. Para malaikat menjadi teman yang duduk bersama mereka." (Musnad Ahmad).

Maka lazimkanlah diri untuk memakmurkan Masjid. Bukan sekadar dengan lampu yang terang, perhiasan dan bunyi-bunyian tetapi dengan amalan-amalan agama sesuai perintah Allah ﷺ dan Rasul ﷺ. Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah ﷺ sendiri hanya mula dinyalakan pelita pada tahun ke-9 Hijrah.

Setiap umat Islam berperanan dalam memakmurkan Masjid. Baik mereka yang telah sedia sering ke Masjid ataupun yang belum biasa ke Masjid, kita semua bertanggungjawab memakmurkan Masjid.



### Kitab Bada'i uz-Zuhur - Amalan-Amalan Mustajab

- Karangan Syaikh Ahmad al-Fathoni, guru kepada Syaikh Tok Kenali.
- Penuh dengan mutiara dan keajaiban amal dan rahsia pertolongan Ilahi.
- Amalan-amalan mustajab warisan ulama Mekah dan Nusantara.

KLIK  
DI SINI

# Madrasah Hadiqatun Nisa'

Taman Para Wanita

Madrasah Hadiqatun Nisa' adalah salah satu daripada beberapa madrasah yang dibuka khusus untuk pelajar perempuan atau lebih dikenali dengan panggilan "Madrasah Banat" atau "Madrasah Lil-Banat".

### **Perubahan nama madrasah.**

Ia dimulakan pada tanggal 8 Jun 2008. Nama asal bagi madrasah ini ialah Madrasah Baitul Hamalatil Quran. Namun demikian semasa proses pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dibuat, perkataan "Baitul" tidak dapat digunakan memandangkan ianya ada kaitan dengan "Baitulmal". Kerana itu nama madrasah ditukar menjadi Madrasah Hadiqatun Nisa' dan kekal sehingga sekarang.

### **Lokasi asal madrasah.**

Ketika itu Madrasah Hadiqatun Nisa' hanya menyewa sebuah rumah teres 1 tingkat di kawasan Ampang. Dengan kadar sewa dan ruang yang agak sempit, mereka hanya mampu mengambil 8 orang pelajar sahaja.

Selang beberapa masa kemudian pihak Mudir madrasah menemui sebuah rumah sewa 2 tingkat dengan kadar sewa yang sama di kawasan yang berdekatan. Maka madrasah berpindah ke rumah tersebut bagi memberikan ruang yang lebih selesa kepada para pelajar.

Pada awal penubuhan madrasah, mereka menerima pelajar-pelajar yang datang daripada madrasah-madrasah yang lain. Memandangkan kebanyakan mereka tidak mampu membayar yuran di madrasah yang lama maka pihak Madrasah Hadiqatun Nisa' berniat untuk membantu mereka menamatkan pengajian.

Sedikit sebanyak keadaan ini memberikan beberapa cabaran dan ujian kepada pihak Mudir dan Ustazah yang mengajar pada ketika itu. Namun dengan sifat tawajuh serta harapan kepada Allah dan sikap tegas yang ditunjukkan oleh pihak Mudir dan Ustazah yang mengajar di situ mampu mengawal keadaan.

Pada tahun 2010 sekali lagi Madrasah Hadiqatun Nisa' berpindah ke tempat lain iaitu di 2 buah rumah apartmen di kawasan Kampung Pandan. Dan pada masa ini juga pihak Mudir membuat keputusan untuk mengambil hanya pelajar-pelajar baru yang belum pernah belajar hafizah di mana-mana madrasah lain atau yang baru habis menduduki peperiksaan UPSR.

### **Penambahan bilangan pelajar.**

Tanggal Disember 2015 Madrasah Hadiqatun Nisa' sekali lagi berpindah ke lokasi baru iaitu di Seksyen 8, Bandar Baru Bangi. 2 buah rumah teres 2 tingkat disewa memandangkan jumlah pelajar telah mencecah 40 orang.



Setakat ini staf madrasah hanya terdiri daripada 2 orang sahaja iaitu seorang Mudir dan seorang Ustazah yang juga merangkap sebagai tukang masak dan warden. Dalam masa yang sama pihak Mudir dan Ustazah juga dibantu oleh pelajar-pelajar yang sudah tamat pengajian dan juga pelajar-pelajar Syahadah.

### **Tiada sebarang yuran.**

Sejak awal penubuhannya Madrasah Hadiqatun Nisa' tidak mengenakan apa-apa yuran kepada para pelajarnya. Kerana itu di awal-awal penubuhannya, Madrasah Hadiqatun Nisa' mengalami sedikit masalah dari segi kewangan.

Namun demikian dengan izin Allah perjalanan pembelajaran Tahfiz Al-Quran (Hafizah) di sini berjalan dengan lancar dan masih mampu menghasilkan hafizah-hafizah dan lulusan syahadah dalam masa yang singkat.

### **Hafizah dalam masa singkat.**

Kebiasaannya para pelajar di sini berjaya menghafaz Al-Quran dalam tempoh yang singkat iaitu dari satu setengah tahun ke dua setengah tahun sahaja. Manakala pelajar Syahadah pula tamat sekitar 4 ke 5 bulan sahaja.

Semasa Madrasah Hadiqatun Nisa' berpindah ke Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, pihak Mudir meletakkan yuran minimum RM100 untuk setiap orang pelajar bagi memberikan rasa tanggungjawab serta sifat pengorbanan dari pihak ibu bapa untuk agama.

Namun demikian pihak madrasah masih lagi mengutamakan pengambilan pelajar daripada kalangan keluarga-keluarga yang susah sehingga ada di kalangan mereka yang tidak mampu untuk membayar yuran sepenuhnya.

### **Lokasi baru madrasah.**

Dengan izin Allah kini Madrasah Hadiqatun Nisa' telah pun bertukar lokasi ke tempat sendiri yang lebih kekal di Lot 19140, Jalan Hajjah Rahah, Kampung Sungai Kembung Hilir, 43000 Bangi, Selangor.

Bangunan seluas lebih kurang 5,000 kaki persegi di atas kawasan tanah seluas 12,000 kaki persegi itu mampu memuatkan ruang asrama dan kelas untuk lebih kurang 50 orang pelajar wanita. Tanah ini telah dihibahkan oleh tuan tanah yang dermawan kepada mudir madrasah Hadiqatun Nisa.

Kini pihak madrasah masih lagi membuka peluang untuk umat Islam yang lain membuat sumbangan dan khairat bagi menampung perjalanan pengajian pada masa akan datang.

Sebarang sumbangan boleh dibuat pada akaun bank berikut.

Nama Bank :

**Maybank**

Nama Akaun :

**Hadiqatun Nisa Enterprise**

Nombor Akaun :

**564548137274**

Emel :

**mdrsh\_hadiqatunnisa@yahoo.com**

Nama Mudir :

**Ustaz Abu Ubaidillah**

No. Telefon :

**011-1023 2032**

**011-1225 7375**



# AMALAN

# KHATAM BUKHARI

UNTUK MENARIK RAHMAT ALLAH ﷺ & MENANGKIS BENCANA

Kenyataan yang masyhur dalam kalangan para muhaddis iaitu, “Ketika hadis dibacakan, rahmat Allah yang khusus turun.” (Tadribur Rawi:4:540).

Dalam masa kesukaran, ketakutan dan kesusahan, sebagai tambahan kepada bacaan Al-Quran dan lain-lain bentuk doa yang lain, salah satu amalan para salihin di masa kini dan yang terdahulu adalah membaca seluruh Sahih Bukhari untuk menarik rahmat khusus Allah ﷺ.

Sahih Bukhari adalah himpunan hadis Rasulullah yang paling sahih pernah dikumpulkan. Melalui nikmat keberkatan membaca hadis yang mulia ini, Allah ﷺ menghapuskan kesulitan. Ini adalah amalan yang telah dicuba, diuji dan terbukti berdasarkan daripada pengalaman berabad-abad lamanya.

## *10 Nukilan Para Ulama*

**1** Penulis Syarah Sahih Bukhari, Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani ﷺ menulis: “Di antara banyak kebaikan Sahih Bukhari ialah apa yang disebutkan oleh Imam Ibn Abi Jamrah ﷺ, “Sesetengah orang yang soleh berkata kepada saya bahawa apabila Sahih Bukhari dibacakan pada masa penderitaan, penderitaan tersebut dihilangkan. Kapal yang mempunyai salinan Sahih Bukhari di atasnya, tidak tenggelam. Alasannya adalah bahawa Imam Bukhari ﷺ adalah orang yang doanya diterima oleh Allah Ta'ala (mustajabud da'wah) dan dia telah membuat doa khusus bagi mereka yang membaca kitabnya.”” (Hadyus Sari, ms.16, juga lihat Tadribur Rawi:1:316)

**2** 'Allamah Tajud Din As-Subki ﷺ menulis: “Telah sedia maklum bahawa terdapat banyak pengalaman Sahih Bukhari dijadikan sebagai cara untuk mengatasi masalah dan memenuhi keperluan. Untuk menceritakan pengalaman-pengalaman ini pastinya akan mengambil masa yang panjang.” (Tabaqatush Shafi'iyyah:2:234)

**3** Mufassir Al-Quran yang terkenal, Hafiz Ibn Kathir ﷺ menyatakan, “Membaca Sahih Bukhari berkesan untuk menurunkan hujan.” (Irshadus Sari:1:42, Fathul Ilah:1:75, Mirqatul Mafatih:1:58 & Al-Kanzul Mutawari:1:174)

**4** Allamah Sakhawi ﷺ menyebutkan bahawa semasa musibah di Homs (Syria), pada tahun 680H seluruh Sahih Bukhari dibacakan. Selepas amalan ini dibuat, perasaan takut diserang musuh itu hilang. Alhamdulillah. (Al-Wajhus Sabih, ms.21)

**5** Penulis Syarah Riyadus Salihin, Imam Muhammad ibn 'Ali ibn' Allan ﷺ menulis: "Ketika Zabid (sebuah tempat di Yaman) dikelilingi oleh musuh (pada abad ke10-H), mereka dicengkam ketakutan. Imam Ibnud Dayba' ﷺ mengarahkan agar Sahih Bukhari dibahagikan kepada beberapa bahagian dan pembacaannya diselesaikan. Sebelum keesokan harinya, musuh meninggalkan mereka dan ketakutan mereka telah hilang." (Al-Wajhus Sabih, ms.22)

**6** Ibnu 'Allan ﷺ menulis lagi, bahawa di zamannya juga (abad ke11-H) penduduk Basrah membaca Sahih Bukhari untuk mengelakkan baha dan Allah Ta'ala meredakan kesukaran mereka. (Al-Wajhus Sabih, ms.22)

**7** Shah Al-Muhaddis 'Abdul 'Aziz Dehlawi ﷺ menulis: "Membaca (seluruh) Sahih Bukhari sangat berkesan pada masa-masa kesulitan, ketakutan diserang, semasa sakit atau kemarau dan bencana lain seperti yang biasa dialami." (Bustanul Muhaddithin, ms 155)

**8** Shaikhul Hadis Maulana Muhammad Zakariyya Kandhlawi ﷺ menulis: "Shah 'Abdul Haq Dehlawi ﷺ menulis di Ash'athul Lam'at, bahawa banyak Ulama dan Mashayikh telah membaca Sahih Bukhari untuk memenuhi keperluan, menghilangkan kesukaran, menangkis bencana dan menyembuhkan penyakit. Mereka mendapati bahawa ianya sangat berkesan. Ini adalah sesuatu yang telah tersebar luas dan terkenal dalam kalangan para muhaddis." (Muqaddimah Lami'ud Darari; lihat Al-Kanzul Mutawari:175-1:174)

**9** Hazrat Shaikhul Hadis Maulana Muhammad Zakariyya Kandhlawi ﷺ menulis lagi bahawa Shaikh Muhaddis Sayyid Jamaluddin ﷺ menyatakan bahawa gurunya, Shaikh Sayyid Asiluddin ﷺ berkata, "Saya telah membaca Sahih Bukhari kira-kira seratus dua puluh kali untuk keperluan peribadi saya dan orang lain. Pada setiap kali percubaan, maksud saya telah dipenuhi." (Muqaddimah Lami'ud Darari; lihat Al-Kanzul Mutawari:1:175, Mirqat:59-1:58)

**10** Shaikhul Hadis Maulana Fadlur Rahman A'zami ﷺ mempunyai satu bahagian dalam pengenalananya kepada Sahih Bukhari berjudul: "Membaca Sahih Bukhari berkesan dalam menimbulkan musibah." Selepas itu dia memetik dua petikan di atas. (Hadiyyatud Darari, ms.75)

Ditulis oleh Maulana Muhammad bin Haroon Abasoomar (hafizahumallah).

Sumber : <https://www.al-miftah.com/reciting-hadiths-of-sahih-bukhari-for-ease-from-difficulty/>

### Panduan menjalankan amalan Khatam Bukhari harian.

1. Peserta adalah di kalangan para alim yang layak dan mahir dalam pembacaan hadis.
2. Jumlah keseluruhan hadis dalam Sahih Bukhari dibahagikan mengikut jumlah kumpulan. Jumlah hadis di dalam kumpulan tersebut dibahagikan mengikut jumlah ahli kumpulan.
3. Setiap kumpulan mempunyai beberapa peserta. Lebih banyak peserta, lebih kecil jumlah hadis yang perlu dihabiskan.
4. Kitab Sahih Bukhari dari penerbit yang sama digunakan untuk mengelakkan keciran hadis dari dibaca kerana berlainan cetakan nombor hadis.
5. Jika semua kumpulan berada di tempat yang sama, bacaan hingga sempurna boleh dibuat di dalam satu majlis. Setelah selesai satu bacaan doa dibuat di situ.
6. Jika semua kumpulan berada di tempat yang berbeza, bacaan hingga sempurna boleh dibuat di tempat masing-masing. Laporan penyempurnaan bacaan boleh dibuat melalui alat perhubungan seperti telefon. Setelah selesai bacaan doa dibuat di tempat masing-masing.

## KATA-KATA HIKMAH

"إِنْ كُنْتَ تَرِيدُ وَلِيًّا، فَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَلِيًّا"  
نعم إن كان هو وليك بكل شيء لك صديق  
"إِنْ كُنْتَ تَرِيدُ أَنْبِيَاءً، فَكَفَىٰ بِالْقُرْآنِ الْكَرِيمِ أَنْبِيَاءً"  
إذ تعيش فيه مع الأنبياء والملائكة وحسن أولئك رفيقا  
"إِنْ كُنْتَ تَرِيدُ مَالًا، فَكَفَىٰ بِالْقَنْاعَةِ كَنْزًا"  
نعم، إن القانع يقتضي، والمقتضي يجد البركة  
"إِنْ كُنْتَ تَرِيدُ عُدُواً، فَكَفَىٰ بِالنَّفْسِ عُدُواً"  
إذ المعجب بنفسه لا حالة يرى المصاعب  
ويبتلي بالمصائب، بينما الذي لا يعجب بها يجد السرور والراحة والرحمة  
"إِنْ كُنْتَ تَرِيدُ وَاعْظَمَاً، فَكَفَىٰ بِالْمَوْتِ وَاعْظَمَاً"  
حقا من يذكر الموت ينجو من حب الدنيا ويسعى لآخرته سعيا حيثما

"Jika kamu inginkan penaung dan penguasa atas mu maka cukuplah Allah ﷺ sebagai penaung dan penguasamu.

Ya, apabila DIA telah jadi Penaung dan Penguasamu maka semua perkara lain akan menjadi temanmu.

Jika kamu inginkan teman rapat maka cukuplah al-Quran sebagai teman rapat mu. Kerana, dalam al-Quran kamu dapat bersama para anbiya dan para malaikat, sedangkan mereka itulah sebaik-baik teman.

Jika kamu inginkan harta maka cukuplah sifat qana'ah (rasa memadai) sebagai khazanah hartamu.

Ya, sesungguhnya seseorang yang bersifat qana'ah yakni yang berpada akan bersederhana dan orang yang bersederhana akan beroleh keberkatan.

Jika kamu inginkan musuh, maka cukuplah diri/nafsumu sendiri sebagai musuh. Kerana seseorang yang rasa suka dan berpuas hati dengan nafsunya akan menghadapi kesusahan dan kesulitan serta akan diuji dengan musibah dan bencana.

Sebaliknya seseorang yang tidak berpuas hati dengan nafsunya akan mendapat kegembiraan, kerehatan dan rahmat Allah ﷺ.

Jika kamu inginkan penasihat maka cukuplah maut sebagai penasihatmu. Memang sebenar-benarnya, seseorang yang selalu ingatkan mati akan terlepas daripada cinta dunia dan akan berusaha untuk akhirat dengan bersungguh-sungguh."

Terjemahan oleh : Maulana Muhammad Razif al-Mazahiri

## DOA MASUK MASJID

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Apabila Nabi ﷺ memasuki masjid Baginda ﷺ membaca doa di atas. Nabi ﷺ bersabda, “Sesiapa yang membaca doa itu maka syaitan akan berkata, “Dia telah terpelihara daripada godaanku sepanjang hari ini.” (Hadis Riwayat Abu Daud)

بِسْمِ اللَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

(Lihat Tirmizi, Ahmad dan Ibnu Majah daripada Sayyidatina Fatimah az-Zahra, Ibnu Sunni daripada Sayyidina Anas: Misykat ul-Masabih dan Nail ul-Authar)



\*gambar ilustrasi sahaja

1 BAHAGIAN LEMBU RM 315

## AQIQAH & WAQAF

Di India



\*harga termasuk pengurusan

Saidina Saad bin ubadah r.a berkata : " Ya Rasulullah ibu saya telah meninggal dunia, apakah bentuk sedeqah yang paling afdhal ( untuk dihadiahkan pahala kepadanya)?"

Rasulullah s.a.w bersabda : " Air " lantaran itu beliau menggali perigi dan berkata ( pahala sedeqah air perigi ini) adalah untuk Ummu Saad.

( Misykat malik, abu daud dan nasai)

WAQAF 1 PERIGI RM 740



\*gambar ilustrasi sahaja

ROKHAIZAM  
( SEKSYEN 7 SHAH ALAM )  
019-2325688

BANK ISLAM

Maahad Tahfiz  
Miftahul Khair  
1203 - 8025-9248-60  
( NO AKAUN )



<http://wasap.my/60192325688/WaqafPerigIndia>

<http://wasap.my/60192325688/AqiqahIndia>

## 'AJWAH MADINAH

"Sesiapa yang memakan 7 biji kurma 'Ajwah pada waktu pagi, tidak akan memberi mudarat sebarang racun mahupun sihir kepadanya pada hari tersebut." (Bukhari & Muslim)

"Kurma 'Ajwah itu berasal daripada surga, dan ia merupakan penawar daripada racun." (Ahmad, Tirmizi & Ibnu Majah)

1kg RM60 sahaja.  
**KLIK DI SINI UNTUK  
MEMBUAT TEMPAHAN  
014-2679755**



# PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN

## PENGENALAN PENGAJIAN

### PENDAHULUAN

Al-Quran adalah asas dan tunjang syariah dalam setiap aspek. Al-Quran adalah sumber kepada semua cabang-cabang syariah dan faktor penentu dalam semua aspek agama sama ada aspek ibadah, kemasyarakatan, perundangan atau ekonomi.

Setiap cabang syariah, mempunyai perincian dan pembahagian yang tersendiri serta kunci untuk memahaminya. Berkemaan ini, Ilmu Tafsir adalah kunci pembuka kepada al-Quran.

Adalah suatu keperluan umat adanya mereka yang pakar dalam Tafsir dan Ulum al-Quran. Pihak Darul Ulum Malaysia dengan sukacitanya mencorak langkah permulaan dalam memperkenalkan Pengajian Pengkhususan Tafsir dan Ulum ul-Quran di Malaysia.

### OBJEKTIF

- Memperkenalkan Ulum al-Quran.
- Menyediakan alim yang pakar dalam bidang ini.
- Menyediakan kertas kerja dan kajian akademik dalam bidang ini.
- Mewujudkan kesedaran awam terhadap kepentingan al-Quran dan ilmu yang berkaitan dengannya.

Kursus ini terbuka kepada mereka yang telah menyempurnakan pengajian alim dan yang setaraf dengannya.

### VISI

Melahirkan pakar dalam bidang al-Quran dan mampu menyampaikan mesej yang jelas kepada masyarakat

### MISI

Membimbing dalam usaha menghasilkan kemantapan dan kepakaran dalam ilmu al-Quran dan as-Sunnah.

Mentarbiah dan memupuk akhlak mulia dan nilai-nilai murni.

Bersama dan membimbing dalam dakwah.

### LOKASI

Lokasi yang dicadangkan adalah di sekitar Kuala Lumpur kerana ianya merupakan tempat tumpuan ilmuan dan banyak madrasah-madrasah dan institusi pengajian agama di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

## MUQARRAR DIRASI

Muqarrar dirasi bagi Pengajian Tafsir Al-Quran ini mempunyai Empat (4) Peringkat Pengajian dan mengandungi 11 Maddah.

Sebahagian maddah dijalankan secara berkelas dan sebahagian yang lain secara mutalaah sahaja.

Pengajian dibuat secara mutalaah, muzakarah dan pengajaran kelas. Ini adalah asas utama manhaj pengajian ini. Muzakarah dan Mutalaah adalah aspek utama dalam Pengajian Tafsir Al-Quran ini. Pelajar juga dikehendaki melakukan kajian berkenaan isu-isu penting dalam bidang ini.

Tambahan bagi perkara di atas:

1. Muzakarah perlu dilakukan setiap hari sekurang-kurangnya selama 30 minit secara berpasangan atau kumpulan kecil.
2. Semua bahan dan hasil muzakarah perlu dicatat dan ringkasan nota perlu dibentangkan kepada ustaz.

## TUGASAN & KERTAS KERJA

1. Pelajar perlu melakukan disertasi ilmiah dalam mana-mana maddah yang dipilih sebanyak 200 mukasurat.
2. Satu kertas kerja (minimum 50 muka surat) perlu ditulis dan dibentangkan pada setiap peringkat sebelum naik ke peringkat seterusnya.

## HUBUNGI KAMI

Pengajian Tafsir Al-Quran,  
Darul Ulum Malaysia,  
No.66 Jalan 6/149J,  
Seri Petaling,  
57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>  
Emel : [dumalaysia@gmail.com](mailto:dumalaysia@gmail.com)  
Tel : +6010 320 1200

# Cara niat solat Sunat Subuh jika dibuat selepas Fardu Subuh

## Soalan

Jika seseorang itu tidak sempat menunaikan solat sunat subuh, lalu selepas fardu subuh dia menunaikan solat sunat itu, adakah dia perlu berniat **قضاء** (qadha')?

## Jawapan

Sebenarnya tidak perlu niat qadha kerana waktunya masih ada selama mana masih belum habis waktu subuh. Jika ditunaikan selepas tamat waktu subuh, barulah diniatkan sebagai qadha'.


Disebutkan dalam Matan Zubad :

"Dan harus ta'khir solat qabliyyah sebagai **أداء** dan tidak harus mendahulukan solat ba'diyah (sebelum solat fardu)"

Al-Khatib al-Syarbini berkata dalam Mughni al-Muhtaj (511/1, Darul Hadis) :

"Maka menunaikan solat sunat qabliyyah selepas solat fardu dikira **أداء** (tunai), tetapi yang dipilih ialah tidaklah dilewatkan solat qabliyyah itu daripada solat fardunya kecuali bagi orang yang hadir (ke masjid) dalam keadaan ketika itu solat fardu sedang didirikan atau yang seumpamanya".

Dijawab oleh : Ustaz Abdul Rahman Bin Harman Shah Raniri



### Kitab Adab Pelajar - Disertakan bersama sifat-sifat Ulama Akhirat

Kitab Adab Pelajar ini adalah Nasihat-Nasihat Maulana Asyraf Ali Thanwi yang berkait rapat dengan adab kehidupan pelajar pada masa kini. Kitab ini sangat sesuai dimiliki oleh setiap pelajar, sama ada dari jurusan agama ataupun dari jurusan lain.

KLIK  
DISINI



# PEMURAH DAN BAKHIL

---

PERUMPAMAAN YANG MENJENTIK HATI

---

Seseorang yang boleh bermurah hati menderma hanyalah orang yang tidak cintakan hartanya. Sebanyak mana seseorang itu sangat mencintai hartanya sebanyak itulah dia akan bakhil terhadap hartanya.

Selama mana hati masih cinta dan mesra terhadap kekotoran dunia ini, sebanyak itulah jiwa tidak bersemangat untuk menginfaqkan harta. Walaupun hati ada keinginan namun tabiat bakhil itu tetap akan menjadi penghalang.

Rasulullah ﷺ membuat perumpamaan orang yang bersifat pemurah dan orang yang bakhil seperti dua orang yang memakai baju besi yang sempit sehingga kedua-dua tangan mereka tersebut di bahagian dada dan tidak dapat dikeluarkan. Apabila si pemurah berniat untuk bersedekah maka baju besi terbuka dan dia boleh mengeluarkan tangannya. Apabila si bakhil berniat untuk bersedekah maka baju besi itu mengecut sehingga dia tidak dapat mengeluarkan tangannya lagi. (Misykat)

Maksud perumpamaan ini ialah apabila si pemurah berazam untuk menginfaqkan hartanya, hatinya menjadi lapang dan gembira lalu dia menginfaqkan hartanya tanpa sebarang keberatan.

Manakala si bakhil pula, jika disebabkan galakan yang diberikan atau apa-apa sebab yang lain dia berazam untuk menginfaqkan hartanya pun, sesuatu dari dalam dirinya akan menyempitkan perasaannya sebagaimana baju besi itu mengecut sehingga tangan orang itu tidak boleh digerakkan walaupun dia ingin mengeluarkan tangannya.

Meskipun seseorang yang bakhil ingin menginfaqkan hartanya namun tangannya tidak tergerak. Jika ada peluang untuk bersedekah sepuluh ringgit, 10 sen pun berat untuk dikeluarkan.

Sumber : Kitab Fadilat Sedekah

## KEMPEN INFAQ RM10/BULAN KEPADA DARUL ULUM MALAYSIA

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana dan yang paling ringan ialah penyakit kusta dan sopak." (Riwayat al-Baihaqi dan al-Tabarani).

Darul Ulum Malaysia diasaskan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan aktiviti madrasah, menjalin ukhuwwah, ulfah dan mahabbah sesama ulama, warga madrasah, masyarakat awam, ibu bapa, pelajar dan pencinta ilmu. Anda boleh melihat perjalanan aktiviti Darul Ulum Malaysia di <http://darululum.my>

Kami menjemput para hartawan dan umat Islam umumnya untuk menginfaqkan RM10/bulan kepada pihak Darul Ulum Malaysia untuk meneruskan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Sebarang sumbangan dan infaq serta untuk urusan mendapatkan resit sumbangan, sila rujuk maklumat berikut:  
Nama Bank : BANK ISLAM  
Nama Akaun : PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM  
No. Akaun : 14238010008853  
Emel: dumalaysia@gmail.com



# دارالعلوم المنورۃ

## DARUL ULUM AL-MUNAWWARAH

(CAWANGAN DAMANSARA JAYA)

No 108, Jalan SS22/22, Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya, Selangor.  
(Berdekatan Atria Shopping Gallery)

### PENDAFTARAN PELAJAR BARU (BANAT SAHAJA)

#### Pengajian (Pengambilan awal Tahun 2021)

Hafizah (Part Time/ Full Time)

Alimah Full Time (Ulang-alik & Asrama)

#### Antara Subjek yang Disediakan (Alimah)

1. Bahasa Arab & Asasnya (Nahu & Sorof)
  2. Fiqah Mazhab Syafie
  3. Tauhid Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
  4. Tafsir Al-Quran
  5. Hadis Nabawi
  6. Adab & Sunnah
  7. Sejarah Islam
  8. Tasawwuf
- dan banyak lagi insyaAllah

#### Syarat Kelayakan

1. Umur 7 tahun ke atas (Hafizah)
2. Umur 12 tahun ke atas (Alimah)
3. Berminat (tanpa paksaan)
4. Tidak mengalami penyakit yang kronik
5. Bersedia mematuhi peraturan madrasah
6. Tiada rekod jenayah
7. Lulus temuduga

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

1) Haji Saifudin <http://wasap.my/60124271786>

2) Ustazah Rabiatul Adawiyah <http://wasap.my/60192561965>



## Darul Ulum Malaysia

<http://darululum.my>

### Infaq Darul Ulum Malaysia

Nama Bank : BANK ISLAM

Nama Akaun : PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM

No. Akaun : 14238010008853

Emel: dumalaysia@gmail.com

Rasulullah ﷺ bersabda: “Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷺ adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit.” (Bukhari)